



فلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.52 | SUBUH 5.02 | SYURUK 6.25 | DUHA 6.49 | ZUHUR 12.21 | ASAR 3.43 | MAGHRIB 6.15 | ISYAK 7.30 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 155

25 DISEMBER 2024 / 1446 ٢٣ جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DARIPADA Abi Bakrah Radiallahuanha daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Tidak ada satu dosa yang lebih patut disegerakan hukuman bagi pelakunya (di dunia) di samping hukuman yang disimpan untuknya (di akhirat), daripada perbuatan melampaui batas dan memutuskan hubungan keluargaan".
(Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

BERUSAHA JADI PEMIMPIN YANG BERSEMANGAT, BERILMU TINGGI

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Azmah Haji Ahad

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland.

LONDON, Ahad, 22 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan para pelajar berperanan sebagai peneraju negara dan ejen perubahan yang akan merealisasikan aspirasi negara di masa hadapan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland yang diadakan di Royal Lancaster Hotel, London, di sini.

Malahan dengan cabaran yang semakin kompleks, terbit dari isu-isu ekonomi, sosial, politik serta teknologi, pendedahan



para pelajar kepada keadaan, budaya dan ilmu yang berbeza di luar negara, tambah titah baginda, boleh mengembangkan minda dan kualiti kemahiran.

Oleh itu, pelajar, tegas titah baginda lagi, perlu mengambil peluang ini untuk berusaha menjadi pemimpin yang bersemangat dan berilmu tinggi, yang mampu bersaing dengan apa jua tantangan di hadapan.

Dalam pada itu, baginda juga seterusnya bertitah mengenai penggunaan teknologi secara bijak dan menggalakkan para pelajar untuk menjadi

Warga Digital atau Digital Citizen yang bertanggungjawab dan beretika agar selamat dan berjaya.

Bukan itu sahaja, menyentuh mengenai kesihatan mental, dalam titah baginda, menyeru kepada pelajar semua agar mendapatkan bantuan jika diperlukan dan untuk sentiasa berpegang teguh kepada nilai-nilai serta ajaran agama. Menjaga kesihatan fizikal dan mental serta sering menghubungi keluarga juga diutamakan, selain menjauhi diri dari aktiviti yang tidak bermoral dalam memelihara masa depan masing-masing.

KDNK bagi Q3 meningkat 6.0 peratus

Siaran Akhbar :
Jabatan Perancangan
Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Disember. – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara pada harga tetap, bagi suku tahun ketiga (Q3) 2024 telah meningkat sebanyak 6.0 peratus tahun-ke-tahun. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 12.9 peratus, manakala Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan pertumbuhan sebanyak 0.3 peratus.

Peningkatan bagi Sektor Minyak dan Gas adalah didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah, gas asli, dan gas cecair asli (LNG). Manakala peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli pula adalah didorong oleh pengeluaran dari telaga minyak dan gas yang baharu, manakala peningkatan dalam pengeluaran LNG adalah disebabkan oleh bekalan gas yang lebih tinggi.

>> Muka 8

Memupuk kemahiran kreatif melalui Art Therapy

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

MUKIM LUMAPAS, Isnin, 23 Disember. - Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memperkenalkan Kempen Hari Bertindak (Day of Action) dalam sama-sama menggerakkan dan mempertingkatkan semangat sukarelawan dalam kalangan masyarakat.

Justeru, bersempena dengan kempen ini,

Cureheart dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung Kasat, Sekolah Rendah Kasat, Jabatan Penjara dan Pusat Pembangunan Belia telah mengadakan acara Curhat di Kampung Kitani : 'Reconnect with Nature, Reconnect with Yourself'.

>> Muka 5

UTB lancar 'Pahlawan IX' bagi penyertaan Shell Eco-Marathon 2025

Siaran Akhbar : Universiti Teknologi Brunei

TUNGKU, Selasa, 24 Disember. – Universiti Teknologi Brunei (UTB) secara rasminya melancarkan kenderaan 'Pahlawan IX' Versi 2025 bagi penyertaannya dalam Pertandingan Shell Eco-Marathon Asia Pasifik dan Timur Tengah 2025 yang akan datang.

Majlis pelancarannya berlangsung di lobi utama, UTB yang disempurnakan oleh Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman. Acara dimulakan dengan bacaan Surah

Al-Fatiyah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Awang Zikry Amani bin Azma'in selaku Pengurus Pasukan UTB Eco-Drive Team 2025.

Majlis turut diserikan dengan persembahan multimedia yang memperkenalkan sejarah perjalanan pasukan Eco-Drive UTB pada tahun 2024 dan memperkenalkan pasukan dinamik yang baharu untuk 2025.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @pelitabrunei X pelitabrunei

Berita Utama



BANTUAN kewangan kerajaan bagi mangsa bencana

Muka 6



TETAP giat mempelajari Al-Quran walaupun sudah meningkat usia

Muka 9



PAMERKAN kemahiran dalam persekitaran yang mencabar

Muka 11



RENTETAN Peristiwa Sepanjang Tahun 2024

Muka 20

Kongsi idea positif tingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan

Bismillahir Rahmani Rahim,
Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu
Wassalamu 'Ala Asyarafil Anbiyaie
Wal Mursalin, Sayyidina Muhammadin
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita semua dapat hadir pada pagi ini, di Sesi Muzakarah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Bersama Kementerian Kesihatan. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallalahu Alaihi Wasallam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Pertama sekali, peramba / kaola / saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas inisiatif dan kehadiran untuk bermuzakarah dengan Kementerian Kesihatan bagi Tahun 2024 ini yang mana ianya menunjukkan komitmen dan keprihatinan yang berterusan Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang isu-isu orang ramai terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan di negara ini. Peramba / kaola / saya berharap sesi ini akan dapat mendatangkan manfaat kepada kita semua terutama sekali dalam membawaikan idea-idea yang positif dan membangun demi mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada orang ramai.

Kementerian Kesihatan sangat menghargai peranan Ahli-ahli Yang

Berhormat sebagai suara orang ramai dalam mengetengahkan isu-isu di peringkat masyarakat dan Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil serius komen-komen Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membentuk dasar, meneliti dan memperbaiki perkhidmatan di negara ini.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, menyedari akan ancaman kesihatan global pada masa ini terutama sekali mengenai penyakit-penyakit yang tidak berjangkit seperti diabetes, tekanan darah tinggi, obesiti dan kanser. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha sedaya upaya untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi mendukung kecemerlangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan demi menjaga kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di antara fokus utama Kementerian Kesihatan dalam menangani penyakit-penyakit yang tidak berjangkit pada masa ini adalah dengan menyediakan ujian saringan bagi membolehkan pengesahan awal dan pencegahan komplikasi daripada menjadi lebih serius. Dengan adanya program saringan kesihatan yang dapat diakses dengan mudah oleh semua penduduk dan rakyat di negara ini, orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil peluang untuk tampil dan menghadirkan diri bagi membuat pemeriksaan awal memandangkan pengesahan awal penyakit seperti Kanser Kolorektal, Kanser Payudara, penyakit jantung dan diabetes, bukan sahaja akan mengurangkan kos rawatan, malahan juga bertujuan untuk mengurangkan

komplikasi, memberi peluang yang tinggi untuk sembuh dan mampu mengurangkan beban yang lain kepada pesakit, ahli keluarga dan juga masyarakat.

Kementerian Kesihatan juga mengambil peluang penggunaan teknologi tinggi dengan menyerapkan Artificial Intelligence dalam membantu pakar-pakar perubatan mengendalikan rawatan. Pada bulan Oktober 2024, Kementerian Kesihatan telah pun memperkenalkan Program Saringan Diabetes Retinopathy Kebangsaan Menggunakan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dengan menggunakan Sistem EyRIS SELENA+. Penyaringan melalui menggambar iris mata dan penggunaan Perisian AI (AI Software) memberikan hasil yang sangat memberangsangkan dalam pengesahan awal referable diabetic retinopathy – iaitu tahap diabetic retinopathy yang memerlukan rawatan dalam kalangan pesakit di negara ini dan dalam masa yang sama, meningkatkan peratus kehadiran pesakit untuk membuat saringan mata mengambilkira penggunaan sistem AI ini hanya mengambil lebih kurang 5-10 minit.

Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan saringan bagi Kanser Serviks dengan menggunakan saringan genomik. Dalam pengurusan risiko kanser, saringan genomik dapat mengesan mutasi dalam gen yang dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser. Individu yang dikesan mempunyai mutasi ini boleh menjalani pemantauan yang lebih intensif, membuat pilihan pembedahan, menjalani rawatan atau langkah pencegahan dengan lebih awal bagi mengurangkan risiko komplikasi yang serius. Saringan genomik juga boleh membantu dalam merancang rawatan kanser yang lebih tepat berdasarkan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Sabtu, 19 Jamadiilakhir 1446H / 21 Disember 2024M bertempat di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

profil genetik tumor, memaksimumkan keberkesanan rawatan dan mengurangkan kes sampingan.

Mengambil kira akan peningkatan kes penyakit Diabetes Jenis 2 di negara ini dengan anggaran 1 daripada 10 orang dan peningkatan komplikasi penyakit diabetes seperti kegagalan buah pinggang, buta dan pengudungan kaki, Kementerian Kesihatan telah pun memperkenalkan Program 'BALANCE' melalui aplikasi BruHealth yang bertujuan untuk memberikan khidmat nasihat kepada penghidap penyakit Diabetes Jenis 2 tentang pemakanan yang sihat, senaman serta pemantauan paras gula dalam darah.

>> Muka 9

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER MASIHI	HARI	JAMADILKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	RABU	23	4.52	5.02	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
26	KHAMIS	24	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
27	JUMAAT	25	4.53	5.03	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
28	SABTU	26	4.53	5.03	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32
29	AHAD	27	4.54	5.04	6.27	6.51	12.23	3.45	6.18	7.32
30	ISNIN	28	4.54	5.04	6.27	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
31	SELASA	29	4.55	5.05	6.28	6.52	12.24	3.46	6.19	7.33

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
33 °C 24 °C Pekan Bangar	33 °C 25 °C Pekan Tutong	31 °C 24 °C Kuala Belait
33 °C 24 °C Pekan Bangar	33 °C 25 °C Pekan Tutong	31 °C 24 °C Kuala Belait
33 °C 24 °C WallahuAlam Bissawab	33 °C 25 °C Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi	31 °C 24 °C

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT BERSAMA RAKYAT, PENDUDUK NBD DI UK, IRELAND



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung menandatangani Lembaran Kenangan (atas), manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat bagi Majlis Santap bersama perwakilan penuntut.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad

LONDON, Ahad, 22 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, hari ini berkenan berangkat menghadiri Majlis Bersama

Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah kerabat diraja.

Majlis tersebut berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London, di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri



Baginda Raja Isteri dijunjung oleh Pesuruhjaya Tinggi NBD ke UK dan Ireland, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad dan isteri, Pengiran Datin Noralam binti Pengiran Haji Kahar; Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD di UK dan Ireland, Awang Raiyan Muqri bin Dr. Saiful Rizal dan Naib Yang Di-Pertua Persatuan tersebut, Dayang Nur Zaidati Qadrina binti Perdi.

Sejurus selepas itu, baginda berdua dijunjung menandatangani Lembaran Kenangan dan berangkat bagi Majlis Santap bersama perwakilan penuntut.

Sebelum berangkat ke Majlis

Bersama Rakyat dan Penuntut NBD, baginda berdua berangkat menghadiri sesi bergambar ramai bersama Yang Di-Pertua dan Naib Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD di UK dan Ireland serta wakil penuntut NBD di UK dan Ireland.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah.

Terdahulu sebelum itu, majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD dan diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Awang Muhammad Nabil Syami bin Norman dari University of the Highlands and Islands, Scotland, manakala inti sariinya dibacakan oleh Awang Muhammad Meerza Helmi bin Uzapupa dari Imperial College London.

>> Muka 4




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambahan (atas dan bawah).



SEKITAR Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London (atas, bawah kiri dan bawah kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Yang Di-Pertua dan Naib Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD di UK dan Ireland serta wakil penuntut NBD di UK dan Ireland.

>> Muka 3

Doa Selamat kemudiannya dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD di UK dan Ireland, Awang Raiyan Muqri dalam sembah alu-aluannya menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas peluang, kemudahan, sokongan dan bantuan yang dihulurkan oleh kerajaan baginda kepada para penuntut yang mengikuti pengajian di UK dan Ireland.

Yang Di-Pertua juga menekankan kesungguhan dan dedikasi para pelajar dalam menyokong aspirasi negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Antara kenangan manis bagi kira-kira 1,300 orang rakyat dan penduduk NBD yang hadir dalam majlis tersebut ialah kesempatan hadir menghadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Pada majlis ini juga, perwakilan pelajar menyembahkan pesambahan ke hadapan majlis Kebawah DYMM, yang telah direka bentuk oleh seorang pelajar Brunei berupa beberapa helai tali leher, yang diperbuat daripada sulaman corak Kain Tenunan Brunei dan Scottish Kilt sebagai simbol jalinan akrab antara NBD dan UK dan Ireland dan juga

senaskhah Buku Ristaan 'Raja Pragmatik, Belia Dinamik'.

Manakala pesambahan 'Sentuhan Warisan Sejagat' disembahtkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, yang telah direka bentuk oleh dua orang pelajar Brunei dan merupakan sebentuk pin baju dan satu beg tangan bermotifkan warisan budaya NBD dan UK dengan hiasan reka bentuk moden.

Pereka tali leher ialah Awang

Wan Muhammad Hafiz bin Wan Habib dari University of South Wales, manakala pereka pin baju dan beg tangan ialah Awang Muhammad Fadzli bin Adiputra

dari University College London dan Awang Mohammad Safwan 'Arif bin Suhara Fadzali dari Queen Mary University, London. Majlis Bersama Rakyat kali ini

diserikan dengan Persembahan Nasyid bertajuk 'Hikmah Hijrah' yang disembahkan oleh para penuntut NBD yang berada di UK dan Ireland.



RAKYAT dan penduduk NBD tidak melepaskan peluang untuk berswafoto bersama raja yang dikasih (kanan), manakala gambar bawah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja berkenan bergambar ramai. Sementara gambar bawah kiri, Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD di UK dan Ireland, Awang Raiyan Muqri bin Dr. Saiful Rizal dalam sembah alu-aluannya.



MEMUPUK KEMAHIRAN KREATIF MELALUI ART THERAPY

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto: Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kasat



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Lumapas hadir selaku tetamu kehormat pada acara Curhat di Kampung Kitani : 'Reconnect with Nature, Reconnect with Yourself' (kanan), manakala gambar kiri, antara yang menyertai acara berkenaan.

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara yang berlangsung di Sekolah Rendah Kasat, di sini ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat, Awang Amran bin Haji Maidin selaku Penghulu Mukim Lumapas.

Juga hadir, Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Belia, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Pada acara tersebut, Yang Berhormat Awang Amran telah melancarkan Green Wave Kasat dan seterusnya berkesempatan menanam pokok, diikuti dengan aktiviti landskap di kawasan berkenaan.

Program Curhat di Kampung Kitani : 'Reconnect with Nature, Reconnect with Yourself' bertujuan untuk menyediakan peluang kepada bekas banduan (Rakan Seliaan,

Rakan Harmoni) Pusat Al-Islah, Komuniti setempat dan belia untuk menyertai aktiviti sukarelawan yang bermakna bagi memupuk kesejahteraan mental, kesedaran alam sekitar dan penyembuhan peribadi.

Program juga diselajurkan dengan kerja-kerja membersihkan galeri, Art Therapy Curhat dan Healing, Sharing session serta Pengagihan Sumbangan daripada Pusat Pembangunan Belia dan juga berpeluang mendengarkan ceramah yang disampaikan oleh Pensyarah Universiti Malaysia Sabah, Awangku Fazli bin Pengiran Abd Hamid yang bertajuk 'Takdir atau Pilihan?'.

Objektif program antara lain untuk mempromosi Kesedaran Alam Sekitar melalui aktiviti penanaman pokok selain dari pemulihan diri iaitu membina semula harga diri bekas

banduan melalui interaksi dengan alam semula jadi.

Dengan program ini juga diharap akan memperoleh kesejahteraan

mental dengan aktiviti seni dan berkebun yang menenangkan serta membina komuniti sokongan iaitu mewujudkan hubungan positif

antara bekas banduan dan komuniti setempat serta memupuk kemahiran kreatif melalui Art Therapy.



Laman sesawang: deps.mofe.gov.bn
E-mel: info.statistics@jpss.gov.bn
Instagram: @statistics.jpss



جاتن ۋانچىن اىكونومى دان ستاتىستىك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
BRUNEI DARUSSALAM

IHP November 2024 catat penurunan

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Disember. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan November 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding November 2023, didorong oleh penurunan sebanyak 1.2 peratus bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan; dan sebanyak 0.3 peratus bagi Indeks Bukan Makanan.

Penurunan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah didorong oleh penurunan harga Daging (2.5 peratus), terutamanya harga daging ayam disebabkan oleh penurunan kos makanan ternakan ayam. Ini diikuti oleh harga Sayur-sayuran (4.6 peratus) yang didorong oleh penurunan harga bawang daripada negara-negara pembekal.

Sementara itu, penurunan Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga Pengangkutan (1.1 peratus), khususnya harga kenderaan dan tiket penerbangan. Manakala harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api mencatatkan penurunan (0.9 peratus) terutamanya pada harga penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman.

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP November 2024 meningkat sebanyak 0.3 peratus daripada Oktober 2024. Ini adalah didorong oleh peningkatan bagi Indeks Bukan Makanan sebanyak 0.4 peratus, manakala, Indeks Makanan dan Minuman Ringan pula menunjukkan penurunan sebanyak 0.1 peratus.

Peningkatan bagi Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga Pakaihan dan Kasut (5.7 peratus); dan Rekreasi dan Kebudayaan (1.1 peratus). Manakala penurunan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya didorong oleh Ikan dan Makanan Laut (1.2 peratus); dan Daging (0.3 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga.

Laporan penuh IHP bagi bulan November 2024 boleh didapati di laman sesawang JPSS melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.

INDEKS HARGA PENGGUNA

NOVEMBER 2024

Tahun-ke-Tahun

NOV 24
NOV 23


0.5%

Bulan-ke-Bulan


NOV 24
OKT 24

0.3%

Tahun-ke-Tahun



Bulan-ke-Bulan



Tahun Asas (Jan 2015=100)



Bakul barang dan perkhidmatan IHP yang bernilai BND100.00 pada bulan Januari 2015 kini bernilai BND106.26 pada bulan November 2024

Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan dan Minuman Ringan

1.2%

Sayur-Sayuran

4.6%

Ikan dan Makanan Laut

2.7%

Daging

2.5%

Bukan Makanan

0.3%

Pengangkutan

1.1%

Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain

0.9%

Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada tempoh yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.

UTB LANCAR 'PAHLAWAN IX' BAGI PENYERTAAN SHELL ECO-MARATHON 2025



>> Muka 1

Pasukan Eco-Drive UTB 2025 akan memperkenalkan kenderaan

NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei semasa hadir dan bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Kenderaan 'Pahlawan IX' Versi 2025 (kiri dan atas).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Teknologi Brunei

protoalip mereka dalam Kategori Bateri Elektrik pada Pertandingan Shell Eco-Marathon Asia Pasifik dan Timur Tengah 2025 yang akan datang nanti.

Pertandingan berprestij ini akan berlangsung mulai 8 hingga 12 Februari 2025 di Lusail International Circuit, Doha, Qatar.

Shell Eco-Marathon bertujuan untuk memperkasakan generasi peneraju tenaga masa depan dan bertepatan dengan penganjurannya pada tahun ke-40, pertandingan 2025 menawarkan pelajar dari rantau ini

peluang untuk menguji kemahiran reka bentuk, teknologi dan kejuruteraan mereka dengan kenderaan cekap tenaga, sama ada di dalam maupun di luar landasan.

Penglibatan UTB dalam acara berprestij ini selaras dengan Wawasan Brunei 2035, memfokuskan kepada pembangunan pendidikan untuk memupuk belia yang berpengetahuan, berkemahiran dan bersedia untuk menangani cabaran global.

Bantuan kewangan kerajaan bagi mangsa bencana

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BERAKAS, Selasa, 24 Disember. - Seramai enam orang ketua keluarga telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) pada majlis yang berlangsung di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Ketua-ketua keluarga yang menerima bantuan kewangan hari

ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian angin kencang. Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana tersebut dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Pemberian bantuan kewangan tersebut adalah bagi meringankan

kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha ini menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang ditimpa musibah.

PEMANGKU Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyerahkan bantuan kewangan kepada penerima.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang memahatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN HUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?



100%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

%

ZAHIR RASA TERUJA, BERSUA DENGAN RAJA DIKASIHI



WAN Muhammad Hafiz bin Wan Habib dan Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di United Kingdom and Ireland (Brunei Students' Union - BSU), Awang Raiyan Muqri bin Dr. Saiful Rizal (kiri dan kanan).



DAYANG Stephania anak Vincent selaku Setiausaha Agung Brunei Students' Union (BSU) dan Dayang Nur Zaidiati Qadrina binti Perdi (kiri dan kanan).

LONDON, Ahad, 22 Disember. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajah Mohamed Alam ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland merupakan saat terindah bagi segenap lapisan rakyat dan penduduk yang berada di sana untuk beramah mesra serta berinteraksi dengan raja yang dikehendaki.

Pada majlis yang berlangsung di Royal Lancaster London, keterujaan tersebut digambarkan melalui temu bual bersama beberapa penuntut NBD yang sedang membuat pengajian mereka di sana.

Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD di UK

masyarakat kita terutama di NBD, di mana pada masa kini golongan belia semakin menonjol dalam tenaga kerja. Saya percaya bahawa belia juga akan memberikan impak besar terutama dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Saya berharap dapat menyumbang kepada negara dan boleh membawa impak yang besar terhadap prospek masa depan negara kita," tambahnya.

Sementara itu, Wan Muhammad Hafiz bin Wan Habib menyatakan perasaan gembira atas keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke majlis tersebut.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung kasih di atas segala kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti penginapan di hotel lima bintang dan juga membayar balik atau *reimbursement* khusus bagi pengangkutan seperti kapal terbang dan kereta api, bagi pelajar luar dari kawasan London," jelasnya.

Beliau yang mengambil jurusan Undang-Undang dari University of South Wales berharap agar dapat berkhidmat dengan kerajaan Kebawah DYMM sebagai peguam di jabatan-jabatan kerajaan seperti Pejabat Peguam Negara (Attorney General Chambers) setelah menamatkan Bar Vocational Studies.

Menyentuh mengenai sumbangan kepada negara selepas tamat pengajian, Wan Muhammad Hafiz menyatakan bahawa mempunyai pemikiran yang kritis dalam menyelesaikan masalah adalah penting dan ia adalah sejarah dengan Wawasan Brunei 2035.

Perasaan keterujaan itu turut dirasakan oleh Dayang Stephania anak Vincent selaku Setiausaha Agung BSU.

"Sebagai pelajar antarabangsa, dengan sokongan rakan-rakan dan keluarga di Brunei, cabaran seperti perbezaan budaya dan berjauhan dari keluarga dapat diatasi dengan mengikuti aktiviti-aktiviti sosial bersama Bruneian Society seperti BruSheff hingga menghilangkan perasaan rindu," ujarnya.

Menurut Dayang Stephania yang mengambil jurusan Chemical Engineering di Universiti of Sheffield, sebagai jurutera kimia boleh menyumbang kepada negara dengan memanfaatkan teknologi dan tenaga hijau.

Selain itu, kepakaran dalam mengoptimumkan proses industri boleh membantu mengurangkan impak alam sekitar, menyokong pembangunan dan memajukan ekonomi dengan cara yang mesra alam.

Beliau juga tidak lupa menzahirkan rasa gembira dan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas peluang untuk melanjutkan pelajaran di luar negara atas Biasiswa Skim Brunei Shell Joint Venture.

Seorang lagi penuntut iaitu Awang Muhammad Fadzli bin Haji Adiputra ketika ini sedang membuat pengajiannya di University College London (UCL) dalam jurusan Environmental

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Geoscience.

Sebagai seorang pelajar luar negara jelasnya, beliau menyedari bahawa sumbangannya kepada negara selepas menamatkan pengajian akan menjadi satu tanggungjawab yang besar.

"Dengan pengetahuan yang saya peroleh dalam bidang Environmental Geoscience, saya berharap dapat membantu negara dalam merancang

strategi mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim dan mewakili Brunei di persidangan antarabangsa," tambahnya.

Beliau berkata, sebagai penuntut di luar negara, mereka perlu sentiasa mempertahankan nilai-nilai dan warisan budaya serta falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang dijulang oleh Brunei. Oleh itu, adalah mustahak untuk kita memperamkan nilai-nilai murni sebagai rakyat Brunei dan tidak melupakan asal usul kebruneian kita semasa pengajian di UK.

"Dengan penuh hormat dan takzim, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik ingin menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas limpah perkenan bercemar dulu ke majlis ini. Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik merupakan penghormatan besar buat kami dan melambangkan keprihatinan terhadap rakyat," sembahnya.

Manakala penuntut tahun akhir di Universiti of the West of England, Bristol, Dayang Nur Zaidiati Qadrina binti Perdi, yang sedang menuntut dalam jurusan Business Management and Marketing pula berharap setelah menamatkan pengajian nanti, beliau akan membawa kemahiran yang diperolehi bukan saja di universiti, tetapi juga untuk perkembangan peribadi.

"Kehidupan di sini mengajar saya untuk menguruskan tanggungjawab dan juga perlu mengadaptasikan diri dengan persekitaran. Semua ini penting dalam dunia perniagaan yang saya harap dapat diceburi selepas menamatkan pengajian."

"Saya akan menggunakan kemahiran saya dalam perancangan strategik, pemasaran digital dan juga keusahawanan. Kemahiran ini akan menolong dalam mempelbagaikan ekonomi, mempromosikan kekuatan Brunei di peringkat global."

"Dengan menggalakkan inovasi dan mencipta model perniagaan yang mampan, saya boleh memainkan peranan dalam menjadikan wawasan ekonomi yang makmur untuk Brunei,"

AWANG Muhammad Fadzli bin Haji Adiputra.

ujarnya.

Dayang Nur Zaidiati Qadrina menjelaskan, sebagai seorang pelajar dari luar negara, salah satu cabaran utama yang dihadapinya adalah menguruskan masa dengan baik antara pembelajaran, bergaul dengan rakan-rakan, dan memberi keutamaan kepada kesihatan mentalnya.

Beliau perlu menyesuaikan

diri dengan persekitaran baharu yang memerlukan disiplin yang lebih tinggi dalam merancang aktiviti harian.

"Setelah menamatkan pengajian, saya berharap dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada negara saya dengan menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang saya peroleh di sini."

"Salah satu cara yang saya ingin lakukan adalah dengan membawa pulang inovasi dan idea baharu dalam bidang perniagaan, serta menyumbang kepada pembangunan industri atau sektor yang relevan di tanah air nanti," ujarnya menambah.

Mengakhiri temu bual, beliau menzahirkan penghargaan dan junjung kasih atas sokongan dan perhatian yang diberikan dan berdoa agar Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta kerabat diraja yang lain sentiasa dikurniakan kesihatan, kebahagiaan serta kesejahteraan.

Negara sangat memerlukan generasi muda yang mengemudi negara pada masa hadapan dan segala harapan diletakkan atas bahu generasi muda yang ada sekarang untuk memikul tugas dan tanggungjawab membina serta membangun negara.

Bagi pelajar-pelajar Pengajian Tinggi, yang dijangka akan memasuki alam pekerjaan, adalah penting bagi mereka untuk memiliki kemahiran Abad Ke-21, seperti inovatif, komunikasi efektif, kolaborasi, pemikiran kritis dan adaptabiliti, sebagai alat bagi pembentukan tenaga kerja NBD.

Oleh itu, adalah sangat diharapkan para pelajar mestilah memanfaatkan peluang belajar di luar negara ini, bukan hanya untuk menimba ilmu pengetahuan semata-mata, malahan juga untuk menjadi modal insan yang berakhlik mulia disamping memiliki idea-idea besar dan maju bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

30 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPUL



SEKITAR Kempen Derma Darah anjuran Kompleks Annajat dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (atas dan bawah).



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERIBI, Selasa, 24 Disember. - Lebih 30 pain darah dikumpulkan semasa Kempen Derma Darah anjuran Kompleks Annajat dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang dijalankan selama dua hari mulai kelmarin, 23 Disember 2024 hingga hari ini dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang.

Kempen Derma Darah tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai untuk menyokong usaha menyelamatkan nyawa di Negara Brunei Darussalam.

Inisiatif berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menderma darah dan menyediakan tempat yang selesa untuk penderma bagi menyumbang kepada tujuan kritikal ini.

Dalam masa yang sama, Kempen Derma Darah juga dihasrat untuk membantu menambah simpanan tabung Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS, Kementerian Kesihatan.

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

 mkkjrbrunei

 www.mkkjr.gov.bn

KDNK bagi Q3 meningkat 6.0 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

>> Muka 1

Bukan itu sahaja, Sektor Bukan Minyak dan Gas menunjukkan pertumbuhan sederhana pada suku ketiga, didukung oleh peningkatan subsektor - subsektor seperti Perikanan (25.5 peratus), Elektrik dan Air (15.0 peratus), Pengangkutan Air (10.2 peratus) dan Pendidikan (3.3 peratus).

Bagi Pertumbuhan Subsektor Perikanan adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan pengeluaran daripada tangkapan ikan. Pertumbuhan Subsektor Elektrik dan Air adalah didorong oleh peningkatan penjanaan elektrik dan peningkatan aktiviti loji pengurusan sisa. Namun, pertumbuhan bagi Subsektor Pengangkutan Air adalah selaras dengan peningkatan jumlah eksport LNG. Manakala pertumbuhan Subsektor Pendidikan adalah selaras dengan peningkatan aktiviti pengajian tinggi.

Dari segi sumbangan utama KDNK mengikut aktiviti ekonomi,

Sektor Industri menyumbang sebanyak 60.1 peratus, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 38.6 peratus dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.3 peratus.

Justeru itu, jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND5.03 bilion pada Q3 2024, meningkat

daripada BND4.98 bilion pada Q3 2023.

Sementara itu, Sektor Minyak dan Gas telah menyumbang sebanyak 46.4 peratus, termasuk aktiviti perlombongan minyak dan gas dan pembuatan LNG. Sektor Bukan Minyak dan Gas menyumbang sebanyak 53.6 peratus daripada jumlah KDNK, terutamanya terdiri daripada aktiviti hilir seperti pembuatan produk petroleum dan kimia.

Mengikut pendekatan perbelanjaan, peningkatan pertumbuhan KDNK pada Q3 2024 adalah didorong oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Isi Rumah yang meningkat sebanyak 6.2 peratus, diikuti oleh Perbelanjaan Penggunaan Akhir Kerajaan sebanyak 1.5 peratus. Walau bagaimanapun, Pembentukan Modal Kasar mencatatkan penurunan sebanyak 3.9 peratus. Eksport Barang dan Perkhidmatan juga menunjukkan penurunan iaitu sebanyak 12.5 peratus.


KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Q3 2024 boleh didapatkan di laman sesawang JPES melalui deps.mofe.gov.bn.

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR SUKU KETIGA 2024

KADAR PERTUMBUHAN (%) PADA HARGA TETAP



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA



جبات فرانچن ايكونومي دان ستاتيستيك
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM

PERTUMBUHAN KDNK

6.0%



Jumlah dalam BND juta pada harga tetap

4,886.6

Jumlah dalam BND juta pada harga semasa

5,033.3

PENYUMBANG UTAMA SEKTOR BUKAN MINYAK & GAS

	Perikanan
	Elektrik dan air
	Pengangkutan air
	Pendidikan

MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI

KADAR PERTUMBUHAN (%) PADA HARGA TETAP



AGIHAN (%) PADA HARGA SEMASA

60.1% 38.6% 1.3%



Industri



Perkhidmatan



Pertanian, Perhutanan & Perikanan

TETAP GIAT MEMPELAJARI AL-QURAN WALAUPUN SUDAH MENINGKAT USIA



Siaran Akhbar dan Foto : Haji Awang Hadbollah Damit

SUNGAI AKAR, Isnin, 23 Disember. - Majlis Apresiasi Sahabat Murattal Bil-Quran dianjurkan untuk mengumpulkan sahabat-sahabat dalam satu majlis

silaturahim bagi memberi penghargaan kepada mereka yang berkesudian untuk mengikuti Kelas Murattal setiap pagi selepas Solat Subuh Berjemaah di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar (atas dan atas kiri).

HALUAN

>> Muka 2

Program ini membantu pihak Kementerian Kesihatan untuk menilai keberkesanan intervensi digital dalam menambah baik kawalan penyakit diabetes dengan memberikan tumpuan kepada perubahan gaya hidup yang sihat dan pengurusan diri sendiri.

Dalam meningkatkan lagi kegiatan fizikal di negara ini, Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan BN on The Move secara berperingkat sebagai pelan promosi kesihatan yang bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup sihat melalui berjalan kaki atau meningkatkan tahap aktiviti fizikal melalui aktiviti-aktiviti senaman yang boleh meningkatkan jumlah langkah yang diambil setiap hari sama ada secara individu atau berkumpulan. Pada tahun ini, Kementerian Kesihatan telah mengadakan Kejohanan BN on The Move 2024 (BN on The Move Championship 2024) dengan slogan 'Brunei Melangkah Maju' selama empat bulan dan Alhamdulillah, lebih daripada 10 bilion jumlah langkah direkodkan semasa kejohanan tersebut.

Sementara itu, usaha-usaha bagi memantapkan pendidikan kesihatan atau *health literacy* di kalangan rakyat dan penduduk negara juga akan diteruskan bagi tujuan meningkatkan lagi kesedaran dan kebertanggungjawaban masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dan amalan cara hidup sihat.

Dalam masa yang sama, perkhidmatan penjagaan kesihatan tidak akan sempurna tanpa adanya prasarana atau infrastruktur yang baik, selamat, mencukupi dan sedia untuk menampung perkembangan penduduk dan keperluan perkhidmatan tambahan di masa akan datang. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan berharap untuk menaiktaraf infrastruktur dan bangunan-bangunan hospital yang sudah lama bagi keselesaan pesakit dan ahli keluarga pesakit dengan meneliti faedah jangka panjang dan keberkesanannya dari segi kos. Ini termasuklah Projek Pembinaan Blok Baharu Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Projek Penambahan Blok Kecemasan bagi Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait, Projek Pembinaan Dua Buah Pusat Kesihatan yang baharu dan Projek Pembinaan Dua Buah Makmal.

Kementerian Kesihatan berharap untuk sentiasa memperbaiki sistem penjagaan kesihatan dengan memastikan semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada sistem kesihatan yang mampan dan inklusif dan seterusnya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, di perbincangan pada Sesi Muzakarah pagi ini, peramba / kaola / saya berharap ianya bukan hanya membincangkan kepada isu-isu semasa malahan juga dijadikan sebagai satu peluang untuk sama-sama bercambah fikiran dan memberikan idea-idea yang boleh dijadikan sebagai satu perancangan untuk dicapai di masa akan datang. Peramba / kaola / saya juga percaya apa juar usaha yang dibuat insyaaAllah akan dapat dicapai dengan pendekatan yang proaktif, berpandangan jauh dan semua pihak menjalankan peranan dan memikul tanggungjawab masing-masing.

Kementerian Kesihatan juga peka akan pentingnya meningkatkan hasil kerajaan dan mengurangkan tunggakan hasil kerajaan. InsyaaAllah dalam masa yang terdekat ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan akan membuat pembarigaan berhubung insurans pekerja asing yang diharap akan mengurangkan risiko majikan menanggung beban tuntutan rawatan hospital jika pekerja di bawah kawalannya dimasukkan ke hospital bagi mendapatkan rawatan.

Mudahan-mudahan perbincangan yang produktif di dalam Sesi Muzakarah pada hari ini, akan mendapat keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'alai jua. Semoga kita diberi petunjuk dan hidayah dalam membuat sebarang keputusan, serta sentiasa berada di jalan yang lurus lagi diberkati oleh-Nya.

Sekian sahaja dari peramba / kaola / saya buat masa ini dan sekali lagi diucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir pada hari ini.

Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



SEKITAR Majlis Apresiasi Sahabat Murattal Bil-Quran yang dianjurkan untuk mengumpulkan sahabat-sahabat dalam satu majlis silaturahim bagi memberi penghargaan kepada mereka yang berkesudian untuk mengikuti Kelas Murattal setiap pagi selepas Solat Subuh Berjemaah di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar (atas dan atas kiri).

mendalami dan memperbaiki bacaan Al-Quran yang merupakan suatu keazaman yang sangat terpuji yang perlu dipelihara dengan itizam dan istiqamah.

Dalam kesempatan itu juga, pengajur mengimbas kembali perjalanan dalam sama-sama melaksanakan aktiviti dan program keagamaan di MRSB, Sungai Akar sepanjang hampir 10 tahun.

Pada majlis turut diserikan

dengan Persembahan Taranum, Murattal, Selawat dan tayangan video aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan jemaah MRSB.

Dengan adanya program ini dapat memberikan manfaat kepada ramai lagi ahli masyarakat dari pelbagai umur untuk mengikuti Kelas Murattal dan lain-lain kelas pengajian yang dikendalikan oleh Takmir MRSB, Sungai Akar.

Sumbangan keperluan sekolah kepada pelajar kurang berkemampuan



KETUA Kewangan Dynamik Technologies, Rachel Chew dan Ketua Perkhidmatan Korporat, Dayang Hajah Siti Rozana binti Dato Paduka Haji Mohd. Yunos hadir mengagihkan sumbangan kepada pelajar berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Disember. - Sebagai sebahagian daripada Program

Tanggungjawab Korporatnya, Sosial Dynamik Prihatin, Dynamik Technologies

mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan untuk keperluan sekolah kepada pelajar yang kurang berkemampuan di Daerah Brunei dan Muara.

Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong para pelajar untuk mereka membuat persediaan bagi tahun persekolahan yang akan datang dan meringankan beban kewangan keluarga mereka.

Hadir mengagihkan sumbangan kepada pelajar berkenaan ialah Ketua Kewangan Dynamik Technologies, Rachel Chew dan Ketua Perkhidmatan Korporat, Dayang Hajah Siti Rozana binti Dato Paduka Haji Mohd. Yunos.

Inisiatif ini juga dijayakan melalui sumbangan kolektif Dynamik Technologies dan pekerjanya.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



Pandangan Islam Mengenai Ramalan Zodiak

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PADA masa kini, ramalan bersandarkan zodiak yang berbentuk ramalan personaliti dan nasib kehidupan seseorang sering terpapar di media-media massa seperti majalah, internet dan bahkan melalui aplikasi muat turun yang lebih mudah diakses. Ramalan zodiak itu diperolehi bersandarkan 12 nama zodiak mengikut tarikh lahir seperti mereka yang lahir pada 21 Disember hingga 19 Januari, nama zodiaknya ialah Capricorn dan mereka yang lahir pada 20 Januari hingga 18 Februari, nama zodiaknya ialah Aquarius. Berdasarkan setiap zodiak tersebut terbit bermacam-macam ramalan sama ada berupa nasib baik ataupun buruk seperti sesiapa yang tergolong dalam zodiak sekian, pada bulan sekian akan menyaksikan penghasilan wang tambahan yang cukup besar jumlahnya dalam kewangan mereka ataupun mempunyai sifat penyayang dan sebagainya. Sebahagian orang merasa ramalan zodiak itu tepat menggambarkan perwatakan mereka dan merasa apa yang diramal itu benar-benar terjadi kepada mereka sehingga mempercayainya dan menjadikannya sebagai motivasi diri. Ramalan zodiak juga mempengaruhi sebahagian orang sehingga menyebabkan seseorang itu merasa bimbang berlaku perkara buruk terhadap dirinya. Persoalannya, apakah pandangan syara' tentang ramalan zodiak? Maka Irsyad Hukum pada kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Menurut Kamus Dewan, zodiak ialah garisan melengkung khayalan di langit yang terbahagi kepada 12 bahagian dan tiap-tiap satunya dinamakan mengikut nama gugusan bintang dua belas, mintakulburuj. Zodiak juga bermaksud gambar rajah mintakulburuj yang digunakan dalam ilmu nujum. Nama zodiak atau gugusan bintang dua belas itu ialah Aries, Taurus, Gemini, Cancer, Leo, Virgo, Libra, Scorpio, Sagittarius, Capricorn, Aquarius dan Pisces.

Dalam Illustrated Oxford Dictionary dinyatakan bahawa zodiak pada asalnya adalah alat untuk mengukur waktu. Akan tetapi pada abad ke-5 Sebelum Masihi, zodiak telah dikaitkan dalam usaha untuk menentukan perwatakan dan meramal masa depan. Pakar astrologi masih menggunakan zodiak bagi menaksir tujuan dalam kehidupan manusia dari segi emosi dan fizikal meskipun tidak ada bukti ilmiah tentang kesahihannya.

Astrologi ialah ilmu nujum (ilmu

peramalan sesuatu berdasarkan kajian bintang-bintang). Dari segi istilah fiqh, ilmu yang berkaitan dengan peramalan sesuatu berdasarkan kajian bintang-bintang ini disebut *at-tanjim* iaitu ilmu yang menyimpulkan petunjuk terhadap kejadian-kejadian atau peristiwa-peristiwa yang terjadi di bumi berdasarkan bentukan dan susunan orbit atau cakerawala.

Ilmu nujum yang dibahaskan di sini ialah ilmu nujum yang menjurus kepada ramalan zodiak yang ada kaitan dengan menentukan perwatakan dan meramal masa depan kehidupan seseorang. Dari sudut pandangan Islam, mengetahui perkara-perkara ghaib adalah khusus bagi Allah Subhanahu wa Ta'alā dan tidak diketahui oleh seorang pun melainkan Dia. Firman Allah Subhanahu wa Ta'alā:

Tafsirnya: Dan di sisi Allah jualah kunci-kunci perbendaharaan (perkara-perkara) yang ghaib, tidak ada sesiapa pun yang mengetahuinya melainkan Dia. Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut. Dan tidak sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya dan tidak sebutir biji pun yang berada dalam kegelapan bumi dan tidak (pula) sesuatu yang basah dan tidak (juga) yang kering melainkan (semuanya tertulis) di dalam kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh).

(Surah Al-An'am: 59)

Dalam ayat yang lain, Allah Subhanahu wa Ta'alā berfirman :

Tafsirnya : Sesungguhnya di sisi Allah sahajalah pengetahuan tentang hari Kiamat, dan Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui apa yang ada di dalam Rahim (ibu yang mengandung). Dan tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui apa yang akan diusahakannya esok dan tidak ada seorang pun yang dapat mengetahui bumi mana dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.

(Surah Luqman: 34)

Dalam satu riwayat daripada Ibn 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam pernah menyebut tentang kedudukan orang yang mempelajari ilmu nujum sebagaimana sabda Baginda Shallallahu 'alaihi wasallam:

Maksudnya : Sesiapa memperolehi (mempelajari) suatu ilmu daripada ilmu nujum, dia telah memperolehi (mempelajari) satu cabang daripada ilmu sihir (yang) bertambah (ilmu sihir itu) bilamana bertambah (ilmu nujum).

(Hadits riwayat Abu Daud)

Hadits di atas memberi peringatan bahawa semakin seseorang itu menambah ilmunya daripada ilmu nujum yang dilarang seperti membuat ramalan dengan mendakwa dia mengetahui apa yang akan

belaku pada esok hari, dia seolah-olah menambah ilmunya daripada ilmu sihir. Hukum asal ilmu sihir adalah haram dan menambah ilmu sihir adalah lebih berat keharamannya. Demikian juga menambah ilmu nujum.

Berdasarkan penjelasan di atas, ilmu nujum yang berbentuk ramalan tentang kejadian yang belum berlaku dan mungkin akan berlaku pada masa akan datang adalah salah satu bentuk tenungan atau tilikan yang disebut di dalam bahasa Arab sebagai *kahanah*. Orang yang mendakwa dapat membaca perkara-perkara ghaib, menyampaikan khabar mengenai kejadian-kejadian yang bakal berlaku pada hari kemudian dan mendakwa mengetahui semua rahsia-rahsia disebut sebagai *kahn*.

Terdapat beberapa hadits mengenai larangan mendatangi *kahn* dan mempercayainya. Antaranya daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya : Sesiapa yang mendatangi 'arraf (tukang tilik) atau *kahn* lalu mempercayai apa yang dikatakannya, maka sesungguhnya dia telah mengingkari apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam.

(Hadits riwayat al-Hakim)

Ibn al-Atsur Rahimahullah menyebut bahawa sesiapa yang mendatangi *kahn* itu juga mengandungi maksud mendatangi 'arraf (tukang tilik) dan ahli nujum. Imam al-Khatibi Rahimahullah dalam kitabnya Ma'alim as-Sunan menyebut bahawa ahli nujum juga dipanggil *kahn*. Hadits tentang larangan mendatangi *kahn* merangkumi larangan mendatangi 'arraf dan ahli nujum, mempercayai mereka dan merujuk kepada kata-kata mereka. Oleh itu, hukum mempercayai ahli nujum sama seperti hukum mempercayai *kahn*.

Dalam hadits lain, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam memberi peringatan akan akibat perbuatan mendatangi 'arraf dan yang seumpamanya seperti ahli nujum. Orang tersebut tidak akan diberi ganjaran pahala daripada sembahyang yang dilakukannya selama empat puluh malam sebagaimana sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam:

Maksudnya : Sesiapa yang mendatangi 'arraf lalu bertanya kepadanya tentang sesuatu, (maka) tidak diterima baginya sembahyang (selama) empat puluh malam (hari).

(Hadits riwayat Muslim)

Mengamalkan ilmu nujum yang dilarang dan mendatangi ahli nujum juga termasuk dalam dosa-dosa besar. Sesiapa yang mengakui mempunyai pengetahuan tentang kejadian yang akan datang bersandarkan kepada peredaran bintang-bintang, pertemuan dan



IRSYAD HUKUM

جهاز مفتی کل جان
جهاز مفتی برunei Darussalam

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

perpisahan jalurnya serta kemunculannya pada sebahagian waktu sedangkan ilmu itu khusus bagi Allah Subhanahu wa Ta'alā, maka dia dikira fasiq bahkan boleh membawa kepada kekufturan. Adapun sesiapa yang mengatakan bahawa Allah Subhanahu wa Ta'alā yang menjadikan pertemuan dan perpisahan jalur bintang sebagai tanda, sesuai dengan apa yang ditetapkan Allah Subhanahu wa Ta'alā, bahawa ini dan itu akan berlaku, dan kadang-kadang tidak berlaku, maka dia tidak berdosa. Demikian juga maklumat yang diketahui dengan cara pengamatan yang diketahui dengan engannya waktu *zawal*, arah kiblat, berapa banyak masa yang telah berlalu dan berapa baki masa yang ada, maka tidak berdosa bahkan ia adalah fardhu kifayah.

Oleh yang demikian, orang-orang Islam hendaklah berwaspada daripada apa juga kegiatan menilik perkara-perkara ghaib dan meramal perkara-perkara yang akan berlaku seperti ramalan zodiak kerana ia termasuk dalam ilmu sihir. Selain daripada haram mengamalkan ilmu nujum dan mendatangi ahli nujum, belajar dan mengajarkannya kepada orang lain juga adalah haram. Demikian juga haram memberi atau menerima sesuatu sebagai ganti seperti memberi upah kepada ahli nujum untuk meramal nasib dalam kehidupan yang akan datang. Adapun jual beli buku-buku yang mengandungi ilmu nujum, menurut hukum syara', jual beli buku-buku ilmu nujum yang terdapat di dalamnya kenyataan bahawa apabila muncul bintang sekian maka akan berlaku sekian dan tidak berdasarkan pengamatan dan kebiasaan adalah tidak sah.

Demikian penjelasan tentang pandangan Islam mengenai ramalan zodiak.

Jangan lupa bayar hutang

hutang. Tindakan Baginda itu jelas menunjukkan Baginda tidak menyukai orang-orang yang berhutang.

Sememangnya Islam tidaklah melarang umatnya daripada berhutang malah mengharuskannya berhutang apabila berdepan dengan kesusahan dan kesempitan hidup yang melibatkan masalah kewangan. Tapi Islam melarang keras umatnya berhutang di luar kemampuan sehingga boleh membebankan diri sendiri apabila hendak membayarnya.

Sesiapa yang berhutang tetapi enggan membayar hutangnya atau melengah-lengahkan untuk membayar hutang setelah berkemampuan untuk membayarnya, mereka itu adalah tergolong orang-orang yang makan harta milik orang lain. Sesungguhnya

mereka itu telah melakukan kebatilan di dalam agama dan melakukan dosa yang nyata sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'alā dalam Surah Al-Baqarah, ayat 188 yang makhrumnya :

"Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya".

Hakikatnya berhutang itu dibenarkan oleh Islam, manakala membayar balik hutang itu adalah wajib. Kewajipan membayar hutang ada ditegaskan dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh

Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu, Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :

"Barang siapa yang mengambil harta orang lain (berhutang) dengan hasrat membayarnya nescaya Allah akan menunaikan hasratnya dan barang siapa berhutang dengan hasrat untuk tidak membayarnya balik nescaya Allah membinasakannya".

Oleh itu, sebaik-baiknya seseorang Muslim yang berhutang hendaklah berikhtiar dan berusaha membayar hutang yang dipinjamnya kerana hutang itu wajib dibayar. Tindakan menunda atau melewatkkan pembayaran hutang dilarang kerana itu satu kezaliman.

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلو لأن قوسة دعوه اسلاميه

HUTANG dalam Islam adalah perkara yang sangat serius sehingga kita akan dihalang daripada memasuki Syurga terutama apabila kita tidak membayar balik hutang sama ada kerana tidak mampu atau enggan atau disebabkan masalah-masalah lain.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri tidak menyukai orang yang berhutang. Ini kerana pada pandangan Islam, berhutang itu merupakan kesusahan di malam hari dan penghinaan di siang hari. Pernah terjadi suatu peristiwa di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam enggan menyembahyangkan jenazah apabila Baginda mengetahui orang yang meninggal itu masih mempunyai tanggungan

PAMERKAN KEMAHIRAN DALAM PERSEKITARAN YANG MENCABAR



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

REPUBLIK KOREA, Selasa, 24 Disember. - Kementerian Pendidikan melalui Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (Centre for the Development of Gifted and

PARA pelajar yang menerima anugerah dan pingat gangsa semasa bergambar ramai.

Talented Education - EDGE) telah menyelaras penyertaan bagi tiga orang pelajar dan dua orang pegawai ke 14th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science dan 16th ASEAN+3 Teacher Workshop for the Gifted in Science yang dianjurkan oleh ASEAN+3 Center for the Gifted in Science (ACGS) dengan sokongan dari The Korean Ministry of Science and ICT dan Korean Foundation for Science and Creativity (KOSAC).

Program ini diadakan baru-baru ini di Seoul National University of Education, Seoul, Republik Korea, pada 15 hingga 21 Disember 2024 lalu.

Semasa program tersebut, Dayang Nur Syahindah binti Sopian, pelajar Tahun 10 di bawah Skim Biasiswa Menengah dari International School Brunei (ISB) berjaya meraih pingat gangsa dalam aktiviti pembentangan berkumpulan secara cross-country. Manakala Awang Muhd. Iqbaluddin bin Muhd. Sihamuddin dan Dayang Nur Insyirah binti Johari, pelajar Tahun 10 di bawah Skim Biasiswa Menengah dari ISB berjaya mendapat

Anugerah Teladan Aktiviti Pra - Perkhemahan (Exemplary Pre-Camp Activities Award) bagi trek masing-masing iaitu trek Physics: Building Detectors for Natural Disasters such as Earthquakes using micro: bit dan trek Chemistry: Future Scientist fighting acid rain.

Program yang bertemakan 'From Prediction to Protection: The Role of Science in Responding to Natural Disasters' ini merupakan program tahunan yang bertujuan untuk mengumpulkan para pelajar cerdas pintar dan berbakat dan para guru dalam bidang Sains dan Teknologi, bagi memberikan

peluang untuk bekerjasama dan memamerkan kemahiran dalam persekitaran yang mencabar. Program telah dihadiri oleh seramai 102 pelajar dari Negara-negara ASEAN+3.

Sebelum menghadiri kem pelajar tersebut, para pelajar juga telah menyertai aktiviti pra-perkhemahan di dalam negara, di mana mereka diberikan tugas individu dengan menjalankan penyelidikan berdasarkan trek topik berlainan.

Para pelajar juga menerima bimbingan daripada pakar-pakar Fakulti Sains, Universiti Brunei Darussalam.

Amalkan makanan sihat untuk kesejahteraan tubuh badan



PEMILIHAN makanan yang sihat amat penting bagi memastikan kesejahteraan tubuh badan.

Pemilihan makanan yang sihat amat penting bagi memastikan kesejahteraan tubuh badan, lebih-lebih lagi di zaman moden ini apabila pelbagai jenis makanan tidak sihat mudah didapati.

Di rumah, ibu bapa dan ahli keluarga perlu memberi perhatian terhadap jenis makanan yang disediakan.

Penggunaan bahan-bahan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan protein tanpa lemak amat digalakkan.

Memasak di rumah memberikan kawalan penuh terhadap bahan yang digunakan dan cara penyediaan makanan.

Sebagai contoh, kita boleh memilih untuk menggunakan minyak zaitun atau minyak kelapa yang lebih sihat berbanding minyak masak biasa.

Mengurangkan pengambilan garam dan gula yang berlebihan juga penting untuk mengelakkan risiko penyakit kronik seperti hipertensi dan diabetes.

Selain itu, peranan ibu bapa amat penting dalam mendidik anak-anak mengenai amalan makan sihat.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Disember - Kepentingan amalan memakan makanan sihat adalah suatu perkara yang tidak boleh dipandang remeh oleh setiap individu.

Memakan makanan sihat bukan

sahaja memberi kesan positif kepada tubuh badan, tetapi juga meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan.

Oleh itu, amalan makan sihat perlu dimulakan dari rumah dan diteruskan apabila kita makan di luar.

Mereka perlu diajar untuk memilih makanan yang mengandungi khasiat seimbang dan menghindari makanan segera yang tinggi kandungan lemak dan gula.

Dengan memberi contoh amalan makan yang sihat, ibu bapa dapat memupuk tabiat makan sihat dalam diri anak-anak sejak kecil.

Apabila makan di luar, kita tetap perlu mengamalkan pemilihan makanan yang sihat. Pilihlah hidangan yang dipanggang, direbus, atau dikukus berbanding yang digoreng.

Selain itu, memilih hidangan

yang mengandungi sayur-sayuran dan buah-buahan juga adalah pilihan yang bijak.

Banyak restoran kini turut menawarkan pilihan makanan sihat seperti salad, ikan bakar, dan hidangan rendah kalori yang boleh membantu menjaga kesihatan tubuh badan.

Kesimpulannya, amalan makan sihat harus dimulakan dari rumah dan diteruskan dengan memilih makanan yang sihat ketika makan di luar kerana ini bukan sahaja membantu mencegah penyakit, tetapi juga meningkatkan tahap kesihatan secara keseluruhan.

2024 Brunei Darussalam Islamic Finance Call-For-Papers

Theme: Navigating Digital Frontiers in Islamic Finance

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) and Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) are co-organising the second Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) Call-for-Papers (CFP). The CFP aims to encourage and promote in-depth discussions on emerging issues in the field of Islamic finance, foster greater research efforts, and increase the publication of articles related to Islamic finance that can contribute to Brunei Darussalam's economic growth.

Research Streams

- Economic Growth
- Sustainable Finance or ESG-related
- Innovations in FinTech
- Financial Inclusion
- Islamic Social Finance
- Syariah Governance

Delivery Language

English

Categories

Student Professional (Residents only) Professional (Open)

Eligibility

Open to both local and international students studying at local higher education institutions, as well as Bruneian students studying at higher education institutions abroad.

Open to academicians and financial industry practitioners, both local and international, from the public and private sectors, as well as independent researchers residing in Brunei Darussalam.

Open to academicians and financial industry practitioners, both local and international, from the public and private sectors, as well as independent researchers.

Registration Fees*

*payable upon submission of the full paper

BND50	BND100	BND100 [For Residents] USD100 [For Non-Residents]
-------	--------	--

Cash Prizes

BND500 [Best Paper] BND400 [1st Runner Up] BND300 [2nd Runner Up]	BND700 [Best Paper] BND600 [1st Runner Up] BND500 [2nd Runner Up]	BND1,500 [Best Paper] BND1,200 [1st Runner Up] BND900 [2nd Runner Up]
---	---	---

Additionally, all winners will receive a Certificate of Award, an Award Plaque, and have their paper published in a journal. Participants who submit full papers will be awarded a Certificate of Participation.

Note: Terms and conditions apply.

Important Dates

Extended Deadlines

- 30 November 2024 Abstract submission deadline
- 7 December 2024 Notification of acceptance/rejection
- 31 December 2024 Submission of full paper

For more information

Please contact the Secretariat at:

- bdif@unissa.edu.bn
- +673 7127739
- <https://unissa.edu.bn/bdif>

دعا ممohen كقد الله سقايي قرسلامة

در قد بلاء دان سکل جنیس چاکیت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سَبَّحْنَاهُ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ ذَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخَنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمَنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَاجْبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلَنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaja). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَمْدُ لَأَنْتَ حُمْدٌ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَمْ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَكَ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسَعْ كُرْسِيَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَعُودُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ٦٥٥

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَحْلِي بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرِخُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحُوَاجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَافِمْ، وَيُسْتَسْقَى
الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحِّيهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْر بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَرا وَنْتُوْغُنْ سَاعَتْ بِسْر كَفْد قَعْعَمْلُنْ (تُولُقْ بِلاَءْ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسِبْنَا اللَّهَ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapat enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
7 Januari 2025.
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup:
Selasa,
14 Januari 2025
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 040 / 2024

Nama Projek:
Membekal, Menggantikan Dan
Memasang Pam Air Mentah
Tenggelam 1, 2 dan 3 Dalam
Loji Rawatan Air Sumbiling

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 042 / 2024

Nama Projek:
Kerja Kecemasan Penyiasatan
Dan Pembaikan Keatas Paip
Utama 1200mm Peringkat 7
Fasa 1 Di Penanjong

Kelas:
(I & II Sahaja)

Kategori:
[E02 Sahaja]

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 043 / 2024

Nama Projek:
Membekal, Menghantar Dan
Memasang Kabel Kuasa Untuk
Rumah Pam Baru Untuk Tangki
Simpanan Diplomatik,
Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:



Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong
yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan di dalam

Kelas :
IV sahaja

Kategori :
KA01 -
(Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 022 / 2024

Nama Projek :
Menaitkaraf Jalan Simpang
(Batu Ke Aspal) –
Pakej 2: Daerah Belait

No. Projek :
DOR1216-009 / ADBT-01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 023 / 2024

Nama Projek :
Menaitkaraf Jalan
Daerah / Kampung
(Batu Ke Aspal / Banjir) –
Pakej 2: Daerah Belait

No. Projek :
DOR1216-008 / ADBT-01

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
31 Disember 2024.

**Tarikh Tutup
Tawaran :**
Selasa,
14 Januari 2025.
Tidak lewat jam
2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
E01 & E02

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran :**
26 Disember 2024

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Tidak lewat Selasa,
7 Januari 2025.
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup
Tawaran :**
Selasa,
14 Januari 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 05 / 2024

Nama Projek:
Pemasangan Bridge Health
Monitoring System (BHMS)
Jambatan SHOAS

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KPB 17 & KPB 18

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran :**
26 Disember 2024.

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Tidak lewat Selasa,
7 Januari 2025,
Jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup
Tawaran :**
Selasa,
14 Januari 2025,
Tidak lewat jam
2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 04 / 2024

Nama Projek:
Menilai Kondisi
Struktur Jambatan

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong yang
berdaftar dengan Kementerian
Pembangunan di dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01 -
(Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 026 / 2024

Nama Projek :
Membaikepulih Jalan Di Jalan
Rasau KM 3 Hingga KM 4

No. Projek :
2024ADKB / 2106 /
002-001-006

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
31 Disember 2024.

**Tarikh Tutup
Tawaran :**
Selasa,
14 Januari 2025.
Tidak lewat jam
2.00 Petang.



Dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong yang
berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan di dalam

Kelas :
III & IV sahaja

Kategori :
B01 & KPB02 - (Kod Baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM035 / 2024

Nama Projek :
Kerja-Kerja Penggantian Atap
Di Kompleks Sukan
Sungai Kebun

No. Projek :
2024DBSBM / KKBS.01

Yuran Tawaran :
BND100.00

(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
31 Disember 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
14 Januari 2025.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II Sahaja)

Kategori :
[KA01 Sahaja]

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 039 / 2024

Nama Projek:
Membekal Dan Memasang
180MM DIA PAIP PE-PN16
Pili Bomba Dari Luar Rumah
Pam 1 Dan 2 Di Pusat
Persidangan Antarabangsa,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND30.00

(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
7 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Januari 2025.





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / RC / 260(2)
Catering Services for Cookhouses, Officer's Mess and Warrant Officer / Staff Sergeant / Sergeant's Mess at RBAF Camps for A Period of Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:

BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah Selasa, 21 Januari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
4 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:

MFA / ICT / 2025 / T1

Tajuk Tawaran:
Data Centre Hardware Extended Warranty & License Renewal with One Year Maintenance and Support

Bilangan Tawaran:

MFA / ICT / 2025 / T2

Tajuk Tawaran:
The Subscription and License Renewal for Email Security Appliance and Load Balancer Services

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
7 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.



Notis Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:

KPN / PR / 6 PT.VII
Membekalkan (I) Certificate Dan (II) Certificate Holder Bagi Pegawai-Pegawai Dan Kakitangan Kementerian Pembangunan Dan Jabatan-Jabatan Di bawahnya Yang Bersara Pada Tahun 2023

Bayaran Sebut Harga:

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:

Isnin, 16 Disember 2024.

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:

Hari Khamis,
26 Disember 2024.

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Isnin,
30 Disember 2024.
Sebelum jam 9.00 Pagi.



Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 38(a)

Jawatan:

Penyelia Pejabat

Tangga Gaji:

C.1-2 EB.3
(BND1,280 - BND2,270)

Kekosongan :

1 Orang

Jabatan:

Universiti Brunei Darussalam

Menghadapkan Borang Permohonan Bagi Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan Sahaja

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:

<https://tinyurl.com/PenyeliaPejabatUBD2024>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan

dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 7 Januari 2025.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

- Satu (1) Laporan Sulit
- Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
- Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tata cara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek (**shortlisted**) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / JKSH / BTI / 05 / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga:
The Supply and Delivery of a Printer and Its Toner for Ministry of Primary Resources and Tourism

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
9 Januari 2025.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 1 / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Jamuan Bagi Mesyuarat-Mesyuarat Di Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan Selama Sebelas (11) Bulan Bagi Tahun 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
2 Januari 2025,
Jam 2.00 Petang

Tarikh Taklimat (Jika Berkenaan):
Isnin,
30 Disember 2024

Jam:
9.00 Pagi

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BIOS / LTK / ASET / 01 / 2024 - 2025 (R)

Tajuk Sebut Harga :
Membekal Satu (1) Unit Kereta Pacuan Empat Roda (4WD) SUV Vehicle Bagi Kegunaan Bahagian Biosecuriti dan Akses Pasaran.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa,
31 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND15.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



PERATURAN PENGIKLAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 278 / 2024 / JPKAS(TC)

Keterangan:
The Provision of Cleaning and Grass Cutting Services for Tutong Health Office, Pekan Tutong Health Centre and Vector Control Unit for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 279 / 2024 / HTD

Keterangan:
To Supply, Deliver, Install, Test and Commission One (1) Unit of Ion Chromatography System for Environment Laboratory, Department of Scientific Services, Ministry of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 280 / 2024 / HTD

Keterangan:
To Supply, Deliver, Install, Test and Commission One (1) Set of Liquid Chromatography with DIODE4 Array Detector (LC-DAD) For Pharmacy Laboratory, Department of Scientific Services, Ministry of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 281 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery of Newborn Hearing Screening Consumables for Audiology Unit, Department of Otorhinolaryngology, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 282 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply and Delivery of Accessories for Hearing and Audiology Supplies for Audiology

Unit, Otorhinolaryngology (ORL) Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 283 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery of Medical Item (Hydroxyapatite Bone Graft) For Department of Orthopedic, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital for A Period of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 284 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery of Ultrasound Consumables for Radiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 285 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery of Breast Imaging Consumables for Radiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 286 / 2024 / UPP

Keterangan:
To Purchase One (1) Unit of Diagnostic Auditory Brainstem Response (ABR) For Audiology And Tohi Services, Otorhinolaryngology (ORL) Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 287 / 2024 / LAB(TC)

Keterangan:
To Supply and Deliver and Commission Point-Of-Care PT/INR Strips with Equipment Rental for Point of Care Testing Section, Department of Laboratory Services,

Ministry of Health for A Period of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND 100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 293 / 2024 / SSBH

Keterangan:
The Provision of Laundry Services for Wards at Suri Seri Begawan (SSB) Hospital for A Period of One (1) Year and Six (6) Months

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 294 / 2024 / SSBH

Keterangan:
Kerja-Kerja Mencat Serta Membaikpulih Keretakan Keseluruhan Permukaan Dinding Luar Bangunan Serta Penyelanggaraan Dalam Bilik Linen & Dobi Bangunan Blok "Q" Dan Penambahan Atap Baru Blok "K", "E" & "R" Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

Kelas:
II dan III

Kategori:
B01, B02, E01, E02 dan KA01

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 295 / 2024 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery of Medical Consumables Item (Bandages and Surgical Dressings) For the State Medical Store for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 296 / 2024 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery of Medical Consumables (Sutures) Item for The State Medical Store for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 096 / 2024

Tajuk Tawaran:
Construction Of Interim 66KV Perdayan Substation, Temburong District

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 Januari 2025.
2.00 Petang.

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan:
Mempunyai Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kelas 3, 4 Atau 5 dan Mempunyai Kategori E03

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Kaunter Unit Tawaran, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 16 /
2024-2025

Tajuk Sebut Harga :
Membekal Dan Menghantar Standing Screen Leed Banner Bersama Aksesori Yang Berseuaian Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2024M-2025M

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 17 /
2024-2025

Tajuk Sebut Harga :
Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Teks Pelajaran Umum Persekutuan Arab, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2025, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2024M-2025M

Yuran Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup
Sebut Harga:
Rabu,
15 Rejab 1446H /
15 Januari 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
KK / 297 / 2024 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery of Medical Consumables Item (Disposable Filters) For the State Medical Store for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 298 / 2024 / SMS(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery of Medical Consumables Item for The State Medical Store for A Period of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 299 / 2024 / SMS(TC)

Tarikh Tutup:

Selasa,
31 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM



TIPS

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijii
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijii ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

BFB IKTIRAF BAKAT KREATIF INDUSTRI FILEM

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Film Blitz

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Disember. — Pembuat filem Filipina, Elvert Beñares dengan filemnya bertajuk 'Sa Sulod sang Luka-it nga Gal-um' diumumkan sebagai pemenang bagi Kategori Terbuka dalam Blitz Filem Brunei (BFB) Ke-8, baru-baru ini.

Sementara itu, Pembuat Filem Tempatan, Agil Faiz dengan tajuk filem 'Nusyrik' pula memenangi bagi Kategori Filem Pendek bertemakan 'Islamik'. Masing-masing menerima sebuah trofi dan wang tunai sebanyak BND1,000.

Bagi Kategori 96 Hour Blitz pula disandang oleh Adam Groves, yang membawa pulang trofi dan BND3,000 untuk bukti konsep menariknya iaitu filem cerek Para.

Penyampaian anugerah telah diadakan semasa Anugerah Gala yang berlangsung pada 21 Disember 2024 lalu.

BFB telah meraikan pencapaian cemerlang dalam pembuatan filem di seluruh Asia Tenggara. Inisiatif diadakan untuk mempromosikan pelancongan tempatan dan memamerkan bakat kreatif tempatan, kini telah berkembang menjadi platform serantau, menarik pembuat filem dari seluruh Asia Tenggara.

Edisi BFB tahun ini menyaksikan pelbagai penyertaan yang

mengagumkan, dengan filem yang mencerminkan pelbagai tema, budaya dan teknik penceritaan.

Gala tersebut mengiktiraf pemenang pertandingan filem pendek merentasi tiga kategori berbeza iaitu Kategori Terbuka, Kategori Filem Pendek bertemakan 'Islamik' dan 96 Hour Blitz.

96 Hour Blitz mencabar para peserta untuk mencipta kandungan yang menarik dalam masa 96 jam dengan bimbingan daripada pembuat filem berpengalaman.

Mentor ini termasuk Lam Vissay dari Viet Nam, Aaron Toronto dari Amerika Syarikat, Stuart McBratney dari Australia dan Nadya Kamis iaitu pembuat filem tempatan yang berpangkalan di Australia.

Melalui kerjasama ini, pembikin filem yang baru muncul diberi peluang unik untuk mengembangkan idea mereka, mengukuhkan projek mereka, dan mendapatkan pandangan berharga tentang industri filem global.

BFB terus berkembang sebagai platform utama untuk pembikin filem Asia Tenggara, menawarkan mereka peluang untuk berhubung, bekerjasama dan memamerkan karya mereka kepada khalayak yang lebih luas.

Festival tahun ini menyerlahkan sifat pembikin filem yang



SESI bergambar ramai bersama para pemenang pembuat filem pada Pertandingan Blitz Filem Brunei Ke-8.

pelbagai dan dinamik di seluruh rantau, meraikan kedua-dua suara yang mantap dan baru muncul dalam industri.

Pengarah Festival, Siti Kamaluddin mengongsikan "Bimbingan untuk pembuktian sebagaimana kolektif yang kami terima dalam tempoh lapan tahun mengendalikan BFB".

bidang penambahbaikan bagi memantapkan lagi kualiti produksi pada tahun 2025.

"Melalui bimbingan, kualiti penyertaan 96 Hour Blitz juga adalah yang terbaik sebagaimana kolektif yang kami terima dalam tempoh lapan tahun mengendalikan BFB".

BFB kekal sebagai bukti kuat kepada kekayaan budaya dan tenaga kreatif yang mengalir ke seluruh Asia Tenggara dan contoh cemerlang bagaimana pawagam boleh merapatkan komuniti, memupuk kerjasama dan memberi inspirasi kepada penonton global.

Amalkan sifat sabar, bertolak ansur di jalan raya



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki



DENGAN mengamalkan sifat sabar dan bertolak ansur di jalan raya, kita bukan sahaja dapat menjaga keselamatan diri sendiri tetapi juga keselamatan orang lain (kiri sekali, kiri dan bawah kiri).



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Disember. — Amalan sifat sabar dan bertolak ansur di jalan raya adalah sangat penting untuk memastikan keselamatan dan

kesejahteraan semua pengguna.

Para pengguna jalan boleh mengikuti beberapa cara untuk mengamalkan sifat tersebut seperti bersikap tenang apabila

berhadapan dengan situasi yang mengacau di jalan raya, misalnya kesesakan lalu lintas atau cuba untuk tetap tenang dan tidak membiarkan emosi menguasai apabila pemandu lain yang kurang sabar.

Selain itu, menghormati pemandu lain dengan memberikan ruang untuk masuk ke laluan awda dan jangan membunyikan hon secara berlebihan kerana dengan cara ini, ia dapat mengurangkan ketegangan di jalan raya.

Menggunakan isyarat dengan betul seperti isyarat tangan atau lampu isyarat untuk memberitahu pemandu lain tentang tindakan yang akan dilakukan kerana ini sedikit sebanyak membantu mengurangkan kekeliruan dan meningkatkan keselamatan.

Di persimpangan, berikan keutamaan kepada pemandu yang mempunyai hak jalan dan jika berada dalam situasi di mana awda perlu memberi laluan, lakukan dengan sabar tanpa terburu-buru.

Jangan terlibat dalam perlumba dengan pemandu lain. Sekiranya, jika ada pemandu yang

memotong dengan agresif, jangan ambil tindakan balas. Biarkan mereka berlalu dan fokus pada pemanduan sendiri.

Kadang-kadang awda mungkin perlu menunggu untuk mendapatkan tempat letak kereta atau menunggu lampu isyarat bertukar. Jadi, gunakan masa

tersebut untuk bernafas dan bertenang.

Sebelum memulakan perjalanan, pastikan untuk berdoa agar perjalanan selamat dan dipermudahkan selain dapat memberikan ketenangan fikiran dan memupuk sifat sabar.


Akhir sekali, cubalah untuk melihat dari sudut positif dalam setiap situasi. Jika terperangkap dalam kesesakan, gunakan masa itu untuk mendengar muzik atau podcast yang awda suka.

Dengan mengamalkan sifat sabar dan bertolak ansur di jalan raya, kita bukan sahaja dapat menjaga keselamatan diri sendiri tetapi juga keselamatan orang lain.

Ini akan menjadikan pengalaman memandu lebih menyenangkan dan kurang stres.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn



PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

**Selamatkan Usus Awda*

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

WARGA ASING DITAHAN BEKERJA GUNA PAS LAWATAN

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

TUTONG, Isnin, 23 Disember. – Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan telah melaksanakan satu operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat 140/2024 yang mana menyasarkan kepada kiosk perniagaan di Mukim Pekan Tutong.

Hasil operasi didapati seorang warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan

kesalahan di bawah Peraturan 9(4) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Selain daripada itu, JIPK turut mengongsikan satu kes pendakwaan yang telah dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17.

Mohammad Omar Faruk, warganegara Bangladesh berumur 30 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama enam bulan dan tiga kali sebatan bagi kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imgresennya mansuh.

Hukuman bermula pada 5 Disember 2024.

Jabatan ini mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian 8734888 / 8753888 (Bandar Seri Begawan) / 8984111 (Kuala Belait).

BAHAGIAN PENGUATKUASA UNDANG-UNDANG, BANDAR SERI BEGAWAN SEMASA MELAKSANAKAN SATU OPERASI PENGUAT KUASA UNDANG-UNDANG DI BAWAH OPERASI KABAT 140/2024.



Seorang buruh lari daripada majikan

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



MOHAMMED Alim Uddin, 31 tahun, warganegara Bangladesh dengan nombor pasport A00801788.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Sengkurong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang buruh, Mohammed Alim Uddin, 31 tahun, warganegara Bangladesh dengan nombor pasport A00801788 yang dilaporkan lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



جامعة سلام سلام
NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Hari itu akibat kecuaian pemandu lain, kehidupannya berubah untuk selamanya.

Perempuan, had fizikal berusia 28 tahun



Keselamatan Jalan Raya
bergantung kepada Awda dan Saya

Selera KAMPUNG Kitani

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sago Pandan dengan sos gulau

Kampung Bunut

Bahan-bahan :

Lapisan santan :
3 cawan santan
2 cawan air
1-2 sudu teh garam
2 sudu besar gula
3-4 sudu besar tepung jagung dibancuh dengan sedikit air
Lapisan sago :
400 gram sago putih
10 cawan air
Setengah cawan air pandan (daripada 4-5 helai pandan kisar)
Sos gulau :
3 sudu besar gulau
1 cawan air
1 sudu teh garam
3 sudu besar tepung jagung

1 cawan santan

Cara membuatnya :

Cara membuat lapisan sago : Didihkan air dan masukkan sago, terus kacau sehingga sago kelihatan separuh jernih. Terus kacau untuk mengelak sago berketul. Kemudian toskan sago dengan menjirus air sehingga lendir sago hilang. Kemudian digaul rata dengan air pandan. Masukkan ke dalam acuan yang sesuai sambil diratakan dan ketepikan.

Cara membuat lapisan santan : Panaskan santan, garam, gula

dan air sehingga mendidih, kemudian masukkan banchuan tepung jagung dan sentiasa kacau sehingga pekat dan sejukkan seketika. Kemudian tuangkan ke atas sago dan ratakan.

Cara membuat sos : Campurkan air, gulau, garam dan santan lalu kacau di atas api sederhana sehingga mendidih, kemudian masukkan banchuan tepung jagung, gaul rata dan biarkan mendidih seketika. Hidangkan lapisan sago dan santan tadi bersama sos gulau.



Rentetan Peristiwa Sepanjang Tahun 2024

SIRI KEDUA

Berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Bulanan

JERUDONG, Jumaat, 26 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Bulanan bagi Royal Brunei Polo and Riding Club yang berlangsung di Jerudong Park Polo and Riding Club, Jerudong. Johan ialah Pasukan White yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang berjaya menewaskan Pasukan Green yang diketuai oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matal Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan kiraan 5.5 berbalas tiga dalam empat chukker.

Pelancaran Retinopati Diabetik Kecerdasan Buatan

JERUDONG, Rabu, 24 April. - Jerudong Park Medical Centre (JPMC) melangkah satu tapak lagi ke hadapan dengan memperkenalkan perkhidmatan pemeriksaan saringan Retinopati Diabetik Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence Diabetic Retinopathy Screening Services) yang pertama yang disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga selaku Pengarah Eksekutif JPMC, berlangsung di Klinik Oftalmologi JPMC, di sini.

Oleh: Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

Jawatan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara bertaraf Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 5 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini dimaklumkan bahawasanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah mulai Isnin, 26 Syawal 1445 bersamaan 6 Mei 2024, jawatan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara yang pada masa ini disandang oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, adalah merupakan jawatan yang bertaraf Menteri.

Kerjasama semua pihak perlu untuk kerja penggantian meter elektrik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan DSTN Network Sdn. Bhd. (DSTN) ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan Peralihan Token Identifier (TID Rollover) dan Program Kebangsaan Penggantian Meter Elektrik kepada sistem meter pintar Unified Smart Metering System (USMS).

TID Rollover berkenaan adalah merupakan isu global yang akan menjelaskan semua meter-meter prabayar di seluruh dunia yang menggunakan pakai sistem token berbandukan kepada Standard Transfer Specification Association (STS) dan berlaku pada Ahad, 24 November 2024.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan bekalan elektrik yang berterusan kepada

semua pelanggan, pihak JPE dan DSTN menguakuasakan secara mandatori Program Kebangsaan bagi Penggantian Sistem Meter Pintar USMS.

MOFE perkenalkan Sistem TAFIS 2.0

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Mei. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) telah pun melancarkan Sistem TAFIS 2.0, iaitu sistem perakaunan dan pembayaran yang baharu menggunakan platform SAP, bagi menggantikan sistem lama pada 1 April 2024, iaitu selaras dengan bermulanya Tahun Kewangan 2024/2025.

NBD terima Anugerah The Best Tourism Marketing

SEOUL, Selasa, 14 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memenangi Anugerah Pemasaran Pelancongan Terbaik (The Best Tourism Marketing Award) di Pameran Pelancongan Antarabangsa Seoul (Seoul International Travel Fair-SITF) Ke-39 di Korea Selatan. NBD adalah antara entiti yang dibentangkan oleh Pengurus Shin, Joong-Mok, Jawatankuasa Pengatur Pameran Pelancongan Antarabangsa Seoul.

Pelancaran 'Pameran Manik : 1000 Tahun', 18 Mei

SUBOK, Khamis, 16 Mei. - Pameran bahan arifak berbentuk manik yang ditemui di empat tapak arkeologi utama di Negara Brunei Darussalam, iaitu Tapak Kota Batu, Tapak Sungai Limau Manis, Tapak Sungai Lumut dan Kapal Karam Brunei di antara Abad Ke-10 hingga Abad Ke-17 Masihi dilancarkan pada Sabtu, 18 Mei 2024 sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2024.

Manakala pameran berkenaan dibuka untuk kunjungan orang ramai selama tiga bulan bermula 18 Mei hingga 18 Ogos 2024 bertempat di Ruang Legar, Muzium Maritim Brunei Darussalam.

Program Pengurusan Koleksi Muzium dilancarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Mei. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan kerjasama Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam melancarkan Majlis Pembukaan Program Pengurusan Koleksi Muzium.

Program diadakan selama tiga hari di BKISHHB ini dikendalikan oleh Interim Deputy Director for Collections and Exhibitions at the Smithsonian National Museum of Asian Art, Danielle Bennett, yang telah didatangkan di bawah the U.S. Speaker Program.

>> Muka 21

BRUNEI
ABODE OF PEACE





>> Muka 20

Presiden Republik Filipina tiba bagi Lawatan Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Mei. - Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Negara selama dua hari.

Pada lawatan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand R. Marcos Jr. dan isteri, First Lady Louise Araneta-Marcos serta rombongan.

Kerjasama sepadu menentang penggunaan produk tembakau, nikotin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Mei. - Negara Brunei Darussalam telah dianugerahkan GGTC Global Tobacco Industry Interference Index (GTI) 2023 Integrity Award sebagai negara berprestasi terbaik dalam GTI 2023 kerana melaksanakan Artikel 5.3 di bawah WHO Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC) dengan berkesan dalam kalangan 90 buah negara, dengan pengeluaran Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 8/2019 yang menegah penglibatan penjawat awam dengan industri tembakau.

Anugerah ini ujarnya, telah disampaikan dalam sebuah acara sampingan (side event) semasa Persidangan Sesi Ke-10 Conference of the Parties (COP10) to the WHO FCTC pada 5 Februari 2024 di Pusat Konvensyen Panama, Panama.

BIBD At-Tamwil Berhad terima Anugerah Pelaksanaan Teknologi Pengesahan ID Terbaik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Jun. - The Asian Banker pada 24 Mei 2024 mengumumkan BIBD At-Tamwil Berhad sebagai pemenang Anugerah Pelaksanaan Teknologi Pengesahan ID Terbaik.

Ini adalah pengiktirafan kedua dari The Asian Banker dan yang pertama pada 2014 untuk Data Risiko Terbaik dan Analitis untuk pelaksanaan AI dengan FICO, menjadikan mereka syarikat kewangan pertama di Negara Brunei Darussalam yang menggunakan AI untuk keputusan pembiayaan, membolehkan kelulusan on-the-spot untuk pelanggan.

Majlis Persantapan raikan Lawatan Rasmi PM Singapura

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghadiri Majlis Persantapan Tengah Hari sempena Kunjungan Muhibah Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd. Sanusi tiba di Bandar Seri Begawan bagi kunjungan muhibah. Rombongan berada di negara ini selama tiga hari bermula 23 hingga 25 Jun 2024.

Lawatan Rasmi Pertama Tuan Yang Terutama ke luar negara sebagai Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui berserta dengan kerabat diraja dan rombongan rasmi Republik Singapura bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi yang berlangsung di Baiturrahmah, Istana Nurul Iman.

Lawatan Rasmi Pertama Tuan Yang Terutama ke luar negara sebagai Perdana Menteri Republik Singapura sejak pelantikkannya pada 15 Mei 2024, yang antara lainnya mencerminkan keakraban hubungan yang mesra antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang sudah sekian lama terjalin.

600 pemasangan panel solar di JIS

JERUDONG, Isnin, 18 Jun. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) melancarkan Projek Solar PV dan menjadi sekolah pertama di Negara Brunei Darussalam yang menjalankan pemasangan solar terbesar dan mengintegrasikan sistem tenaga solar yang

komprehensif.

JIS telah memasang lebih daripada 600 panel solar, yang dianggarkan menghasilkan hampir 600,000KWh tenaga setiap tahun. Inisiatif tersebut bertujuan untuk mengurangkan jejak karbon dengan ketara dan menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbarui dalam komuniti kampus JIS.

Ketibaan Yang di-Pertua Negeri Sarawak bagi kunjungan muhibah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Jun. - Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd. Sanusi tiba di Bandar Seri Begawan bagi kunjungan muhibah. Rombongan berada di negara ini selama tiga hari bermula 23 hingga 25 Jun 2024.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menghadiri Majlis Persantapan Tengah Hari sempena Kunjungan Muhibah Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Fauziah binti Mohd. Sanusi ke negara ini pada Isnin, 24 Jun 2024.

Kebawah DYMM menerima mengadap Yang di-Pertuan Agong

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 25 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim di Istana Nurul Iman bagi menyembahyang Warkah Persilaan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah BSP, BSM

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Penggerusi Lembaga-lembaga Pengarah Syarikat Usaha Sama Brunei Shell (BSJV) berkenan mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) Ke-411 dan Brunei Shell Marketing Company Sendirian Berhad (BSM) Ke-189 bagi suku kedua tahun 2024.

Mesyuarat - mesyuarat berkenaan adalah kesinambungan daripada Mesyuarat Lembaga Pengarah-pengarah Brunei LNG Sdn. Bhd. (BLNG) Ke-222 dan Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) Ke-108 yang bersidang pada 26 Jun 2024.

YTM adakan Lawatan Rasmi ke Republik Singapura

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 29 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berangkat ke Republik Singapura bagi Lawatan Rasmi. Lawatan Rasmi Yang Teramat Mulia ke Republik Singapura selama tiga hari bermula 26 hingga 28 Jun 2024 adalah atas jemputan Menteri Negara Kanan, Kementerian Hal Ehwal Luar dan Kementerian Pembangunan Negara, Puan Yang Terutama Sim Ann.

YTM dan PYT Sim Ann telah menghadiri Majlis Resepsi pada 27 Jun 2024 bagi memperingati Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura di mana pada majlis itu YTM dan PYT telah melancarkan logo rasmi bagi ulang tahun tersebut yang direka oleh Mohammad Yusran bin Saugi dari NBD.



BERJIMAT CERMAT BANTU KITA MENGELAKKAN DARIPADA HUTANG



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 23 Disember. - Pengurusan kewangan yang baik adalah kemahiran penting yang membantu setiap individu mencapai kestabilan kewangan dan membina kehidupan yang sejahtera.

Amalan tersebut dapat membantu kita menjalani kehidupan yang lebih selesa dan mengurangkan tekanan akibat kekangan kewangan, selain mendorong kita untuk menetapkan matlamat kewangan bagi jangka panjang seperti membeli rumah,

percutian dan biaya pendidikan. Antara perkara paling penting dalam pengurusan kewangan ialah hidup mengikut kemampuan masing-masing.

Ini bermakna kita perlu berbelanja tidak melebihi daripada pendapatan yang diperoleh serta menahan keinginan untuk membelanjakan wang bagi barang yang tidak diperlukan.

Mungkin terdapat sesetengah individu mengalami kesukaran untuk melakukan perkara berkenaan, namun amalan



berjimat cermat perlu dilihat dari segi faedah jangka panjang terutama dalam membantu kita mengelakkan daripada hutang yang tidak perlu dan memastikan kita mempunyai wang yang cukup untuk menampung perbelanjaan penting.

Salah satu aspek yang juga penting dalam pengurusan kewangan adalah membuat simpanan termasuk dana kecemasan bagi perbelanjaan

yang tidak dijangka seperti membaik pulih kereta dan kehilangan pekerjaan.

Di samping itu, mengelakkan hutang juga merupakan antara perkara penting dalam pengurusan wang yang baik.

Walaupun beberapa jenis hutang seperti pinjaman membeli rumah atau pendidikan boleh dianggap sebagai pelaburan untuk masa hadapan, hutang yang mempunyai kadar faedah tinggi

SALAH satu aspek yang juga penting dalam pengurusan kewangan adalah membuat simpanan termasuk dana kecemasan bagi perbelanjaan yang tidak dijangka (kiri sekali dan kiri).

seperti kad kredit harus dilakukan sebaik mungkin dan sedaya upaya dilangsungkan bagi menghindari faedah yang lebih tinggi.

Literasi dan pendidikan kewangan turut memainkan peranan penting dalam pengurusan kewangan bagi setiap individu tanpa mengira peringkat umur dan latar belakang.

Memahami konsep asas seperti kadar faedah, kad kredit dan takaful memberikan kita pemahaman dan pengetahuan yang diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang bijak.

Selain itu, konsisten, kesabaran dan disiplin dalam membina tabiat yang baik termasuk memantau perbelanjaan secara kerap dan menyimpan wang secara teratur juga merupakan kunci dalam pengurusan kewangan yang baik.

Ia mungkin mengambil masa untuk membina kemahiran dan membangunkan tabiat positif berhubung pengurusan kewangan tetapi usaha tersebut lama kelamaan pasti akan membawa hasil yang sangat ketara.

MINDA PEMBACA

Merokok membahayakan diri, keluarga dan negara

ROKOK merupakan ancaman besar terhadap kesihatan dan kesejahteraan manusia. Penggunaan rokok tidak hanya merosakkan kesihatan individu tetapi juga memberi kesan buruk kepada keluarga dan negara. Keburukan ini menjadikan rokok sebagai isu yang perlu ditangani dengan serius yang boleh menyebabkan kematian.

Pertama sekali, merokok membahayakan sistem tubuh badan dan menyebabkan kesan sampingan yang lain seperti kerosakan paru-paru, penyakit jantung dan strok. Ini kerana rokok mengandungi lebih 4,000 bahan

kimia, termasuk nikotin, tar dan karbon monoksida. Individu yang merokok secara berterusan akan mengalami penurunan kualiti hidup, termasuk kelemahan fizikal dan kesukaran bernafas.

Selain itu, rokok juga memberi kesan buruk kepada keluarga. Perokok pasif, terutamanya kanak-kanak dan wanita hamil, berisiko tinggi terkena penyakit akibat menghidu asap rokok. Kanak-kanak yang terdedah kepada asap rokok akan mengalami masalah pernafasan manakala wanita hamil akan mengalami keguguran. Tambahan pula, perbelanjaan

untuk membeli rokok boleh menyebabkan tekanan ekonomi dalam keluarga, terutama bagi golongan berpendapatan rendah. Wang yang sepatutnya digunakan untuk keperluan asas dibazirkan untuk membeli rokok.

Di peringkat negara, rokok menyumbang kepada kos rawatan kesihatan bagi penyakit berkaitan rokok membebankan sistem kesihatan negara. Sumber yang besar perlu diperuntukkan untuk merawat berkaitan rokok. Selain itu, pengurangan produktiviti akibat kesihatan yang merosot dalam kalangan perokok turut menjelaskan

ekonomi negara.

Kesimpulannya, merokok membahayakan diri, keluarga dan negara. Usaha pencegahan seperti kempen kesedaran, kawalan penjualan rokok, dan penguatkuasaan undang-undang perlu dipergiatkan. Bersama-sama kita jauhi rokok demi kesejahteraan bersama. Negara yang bebas daripada rokok adalah negara yang sihat dan maju.

Nama : Nena Natasha Putri binti Mohammad Iskandar Shah
No. K/P : 01-143XXX

Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memperkenalkan Makanan Tempatan Ke Peringkat Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 25 Disember 2024
2. 'Memacu Pembangunan Sektor Ekopelancongan'. Tarikh Tutup : 1 Januari 2025
3. 'Memperkasa Hak Orang Kurang Upaya'. Tarikh Tutup : 8 Januari 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BENGKEL JENTERA BERAT TANPA KEBENARAN PERANCANGAN DIHENTIKAN



Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perancang Bandar dan Desa

BERAKAS, Isnin, 23 Disember. - Kegiatan perusahaan bengkel jentera berat tanpa kebenaran yang terletak di Kampung Katok, Mukim Gadong telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti kerana telah melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa kebenaran perancangan (atas dan kiri).

Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa kebenaran perancangan.

Kegiatan ini dijalankan di atas tanah bersyaratkan perumahan am di dalam zon perumahan yang mana tidak sesuai untuk tujuan perusahaan bengkel jentera berat



KEGIATAN perusahaan bengkel jentera berat tanpa kebenaran yang terletak di Kampung Katok, Mukim Gadong telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti kerana telah melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan tanpa kebenaran perancangan (atas dan kiri).

dan apa juga kegiatan yang berkaitan.

Kegiatan seperti ini juga mengganggu penduduk kawasan perumahan berhampiran, berpotensi menyebabkan bahaya dan menyebabkan kerosakan jalan raya di dalam kawasan tersebut.

Oleh itu, kegiatan seperti ini hendaklah dijalankan di dalam zon perusahaan yang disiapkan

dengan pelbagai prasarana untuk menampung kegiatan seperti ini.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan, didapati pemilik tanah telah mematuhi arahan pihak berkuasa dengan menghentikan aktiviti dan membersihkan kawasan tersebut dan syarikat telah pun beroperasi di zon industri yang telah dikhaskan.

Pemajuan dan perubahan penggunaan tanpa kebenaran perancangan boleh menyebabkan bahaya dan menjadikan keselamatan orang ramai.

Sehubungan itu, orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan khususnya Bab 23 yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuan atas tanah, memecah atau menyatakan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa kebenaran perancangan.

Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda sepertimana di dalam Bab 23 (6) iaitu denda tidak melebihi BND200,000; dan dalam hal kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi BND10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan orang ramai boleh menghubungi Talian Hotline Jabatan Perancang Bandar dan Desa menerusi talian +673 8200222.

Cubaan seludup barang tegahan berjaya dipatahkan

Siaran Akbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

SEKITAR operasi yang telah dijalankan baru-baru ini di sebuah kampung di Daerah Temburong (kiri dan bawah).



TEMBURONG, Selasa, 24 Disember. - Pasukan Polis Simpanan 'C' Kompeni (Polis Hutan) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) baru-baru ini berjaya mencegah satu aktiviti penyeludupan dan pemungkahan barang tegahan semasa menjalankan satu operasi di sebuah kampung di Daerah Temburong.

Semasa operasi berkenaan, Pasukan Polis Hutan (POLTAN)

telah mengesan sebuah perahu yang mencurigakan di tepi tebing dan mendapati seorang lelaki yang sedang mengangkat dan memungkah barang-barang dalam beg plastik besar, dipercayai mengandungi barang tegahan yang diseludup dari negara jiran melalui sungai.

Suspek tersebut terus bertindak terjun ke sungai dan mlarikan diri ke sempadan negara jiran. Setelah pemeriksaan lanjut dilakukan di

kawasan tersebut, plastik-plastik yang sama juga dijumpai di sebuah rumah kosong yang berdekatan dengan tebing tempat perahu berlabuh.

Operasi tersebut berjaya menghasilkan perampasan sebanyak dua kotak besar yang mengandungi daging dan 12 plastik besar yang mengandungi ayam serta perahu yang telah digunakan semasa penyeludupan berkenaan.

Kes ini dilaporkan ke Balai Polis Bangar dan kes diserahkan ke piyah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi tindakan selanjutnya.

PPDB serta agensi penguatkuasa yang lain juga ingin menasihatkan kepada orang ramai akan sentiasa berwaspada dan memberikan kerjasama jitu dalam perkongsian maklumat bagi pemberantasan segala kegiatan-kegiatan yang menyalahi undang-undang di dalam Negara Brunei Darussalam, mahupun di kawasan-kawasan sempadannya.



Didenda kerana miliki barang tegahan

KUALA BELAIT, Isnin, 23 Disember. - Mahkamah Majistret Kuala Belait telah menjatuhkan hukuman denda BND10,125 atau 10 bulan dan lapan hari pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda ke atas seorang lelaki warga tempatan atas empat pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman tersebut ke atas Yap Ken Hong, 31 tahun di Mahkamah Majistret hari ini.

Defendant mengaku bersalah memiliki 240 tin minuman keras tanpa kebenaran yang sah.

Defendant ditangkap oleh Pegawai Pemeriksa Kastam di Bahagian Masuk Pos Kawalan Sungai Tujuh pada 21 Disember 2024.

Se semua barang-barang yang terlibat iaitu minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Didenda kerana miliki barang tegahan

KUALA BELAIT, Isnin, 23 Disember. - Mahkamah Majistret Kuala Belait telah menjatuhkan hukuman denda BND10,125 atau 10 bulan dan lapan hari pemerjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda ke atas seorang lelaki warga tempatan atas empat pertuduhan di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Majistret, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid menjatuhkan hukuman terhadap Azie Nazrie anak Zulfriza 25 tahun setelah didapati bersalah memiliki satu paket rokok, tiga unit vape pod dan satu botol vape jus, satu unit vape aksesori, 18 tin dan dua botol minuman keras pelbagai jenis dan 5.9 kilogram sayap ayam mentah tanpa kebenaran yang sah.

Defendant ditangkap oleh Pegawai Pemeriksa Kastam di Bahagian Masuk Pos Kawalan Sungai Tujuh pada 2 Oktober 2023.

Se semua barang-barang yang terlibat iaitu rokok, vape, minuman keras dan sayap ayam mentah dihukum rampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.



ePaper Pelita Brunei



COT A, YOUNG FT JUARA KEJOHANAN FUTSAL AR RAWDA U12, U15



■ Siaran Akbar dan Foto : Ar Rawda Akademi

MENTIRI, Isnin, 23 Disember. – Pasukan COT A (U12) dan Young FT (U15) masing-masing menjuarai Kejohanan Futsal Ar Rawda Akademi 2024 bagi Kategori Bahaw Umur 12 Tahun dan Kategori Bahaw Umur 15 Tahun setelah menewaskan lawan masing-masing pada perlawanan akhir yang berlangsung di Gelanggang Futsal Mentiri semalam.

Pada peringkat separuh akhir pertama bagi Kategori Bahaw Umur 12 Tahun, Pasukan COT A berjaya mengalahkan

Pasukan Projek Ikan Pusu (PIP) B dengan jaringan 1-0.

Manakala pada separuh akhir kedua puluh menyaksikan Pasukan PIP A berjaya menempah tiket pada perlawanan akhir mengalahkan Pasukan Dash FA dengan jaringan 2-0.

Pada perlawanan akhir bagi Kategori Bahaw Umur 12 Tahun, COT A berjaya meraih gelaran juara Kejohanan Futsal Ar Rawda 2024 setelah menewaskan Pasukan PIP A menerusi tendangan penalti 4-2

PARA pemenang Kejohanan Futsal Ar Rawda Akademi 2024 semasa sesi bergambar ramai.

setelah masing-masing terikat 1-1 selepas tamat tempoh perlawanan.

Penjaga gol COT A jersi nombor 19, Md Ameer Danish bin Alizam menjadi wira pasukannya apabila berjaya menghalang dua sepakan penalti Pasukan PIP A dan seterusnya dinobatkan sebagai Penjaga Gol Terbaik Kejohanan bagi Kategori Bahaw Umur 12 Tahun.

Pemain Terbaik Kejohanan Bahaw Umur 12 Tahun disandang oleh pemain jersi nombor 3, Md Isyraf Ad-Din bin Hamzah daripada Pasukan PIP A.

Sementara Kategori Bahaw Umur 15 Tahun pula menyaksikan Pasukan Young FT dinobatkan sebagai juara Kejohanan Futsal Ar Rawda 2024 setelah berjaya menewaskan Pasukan COT JPKK dengan jaringan 1-0 dalam aksi yang menarik dan penuh mendebarkan.

Pemain jersi nombor 3, Md. Harith Aqil bin Azaman dari Pasukan Young FT

membawa pulang trofi sebagai Pemain Terbaik Kejohanan Kategori Bahaw Umur 15 Tahun setelah berjaya membawa pasukannya yang tidak pernah kalah sepanjang kejohanan berlangsung.

Manakala, penjaga gol COT JPKK jersi nombor 1, Muhammad Khairin Darwisi bin Hazman berjaya meraih gelaran sebagai Penjaga Gol Terbaik Kejohanan Bahaw Umur 15 Tahun.

Pasukan PIP A terpaksa akur selaku naib juara bagi Kategori Bahaw Umur 12 Tahun, diikuti dengan Pasukan PIP B tempat ketiga dan Dash FA berada tempat keempat.

Bagi Kategori Bahaw Umur 15 Tahun, Pasukan COT JPKK selaku naib juara, diikuti dengan Pasukan B-Muda U15 tempat ketiga dan AMZ HiTUNE U15 berada tempat keempat.

Kejohanan Futsal Ar Rawda 2024 telah menyaksikan sebanyak penyertaan lapan pasukan bagi Kategori Bahaw Umur 12 Tahun iaitu Projek Ikan Pusu A dan B, Akademi Futsal Ar Rawda A dan B, COT A dan B, Dash FA dan Almerez HiTUNE U12.

Sementara bagi Kategori Bahaw Umur 15 Tahun pula menyaksikan penyertaan 10 pasukan iaitu Kumpulan A terdiri dari 4SquareFC, Team Z, Young FT, Dash FA dan COT JPKK dan Kumpulan B pula terdiri dari Akademi Futsal Ar Rawda, PIP, AMZ HiTUNE U15, Reaper FT dan B-Muda U15.

Hadir bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang ialah Ketua Jurulatih Akademi Futsal Ar Rawda, Wahyu Triyanto.

Kejohanan cungkil bakat pelapis berpontensi



PASUKAN Superstrikers JR. juara pada Kejohanan Bola Sepak 9 Orang Sepasukan Bahaw Umur 18 Tahun anjuran Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong.

TUTONG, Isnin, 23 Disember – Pasukan Superstrikers JR. muncul juara pada Kejohanan Bola Sepak 9 Orang Sepasukan Bahaw Umur 18 Tahun anjuran Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA) baru-baru ini.

Sementara itu, Pasukan PKT FT. memenangi tempat kedua, manakala

Pasukan Superstrikers FT. meraih tempat ketiga.

Sehubungan itu, majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Presiden TDAFA, Awang Haji Takong bin Ahmad, selaku tetamu kehormat.

Sebanyak lapan pasukan telah mengambil bahagian dan dibahagikan

■ Siaran Akbar dan Foto : Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong

kepada dua kumpulan yang bertanding secara round-robin.

Kejohanan ini merupakan projek tahunan yang bertujuan untuk mengenal pasti pemain-pemain berbakat bagi mewakili Daerah Tutong dalam kategori bahaw 18

dan 19 tahun.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Presiden TDAFA, Awang Bujang bin Haji Japar; Setiausaha Agung TDAFA, Awang Matusin bin Sumpong serta Ahli-ahli Jawatankuasa TDAFA.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN KESEDARAN KEPENTINGAN PENJAGAAN KESIHATAN, AMALAN CARA HIDUP SIHAT